YANG TERSURAT DAN TERSIRAT:

MELESTARIKAN KECINTAAN TERHADAP BAHASA DAN BUDAYA MELAYU MELALUI PEMIKIRAN DAN HUMOR

MENJENGUK GEROBOK PEMIKIRAN



HUSIN SAABAN



Melangkah Masuk ke Dunia Komedi

Bagi beliau, membuat orang ketawa bukanlah kerja mudah kerana masa yang terhad dan cabaran menjana idea, apatah lagi bila diminta mencipta sketsa pendek melibatkan ramai pelakon yang memerlukan pemikiran kritis untuk menghiburkan penonton dengan berkesan. Persembahan komedi pertama beliau bermula pada tahun 1987 melalui Pesta Drama Komedi anjuran Persatuan Sriwana dengan skrip "Ada-ada sahaja" yang beliau tulis dan lakonkan, dan kemenangan ketika itu menjadi pembakar semangat untuk terus berkarya. Seperti orang lain, beliau juga berdepan kegagalan di awal kerjaya, termasuk tidak tahu menaip dan hanya mampu menulis dengan tangan, namun beliau tidak mahu melepaskan peluang lalu belajar menaip menggunakan mesin taip. Kemahiran teknologi penting ketika itu sebagai penyesuaian untuk berjaya. Pengalaman ini mengajar beliau bahawa cabaran adalah peluang untuk belajar, sama seperti guru-guru hari ini yang perlu terus menyesuaikan diri dengan perubahan zaman, dan yang paling penting tidak berhenti belajar.



Identiti dan Kemahiran dalam Dunia Komedi

Beliau berasa amat bertuah kerana berpeluang merasai kehidupan di kampung sebelum berpindah ke bandar, di mana beliau dapat melihat pelbagai isu masyarakat seperti bagaimana identiti golongan muda Melayu dibentuk, perubahan dari kampung ke rumah pangsa, serta cabaran-cabaran keluarga yang dihadapi oleh keluarga Melayu ketika itu. Pergaulan dengan pelbagai lapisan masyarakat menjadi modal utama beliau dalam berkarya, khususnya dalam komedi yang menampilkan ragam manusia, kritikan sosial, dan sindiran halus yang membuat penonton tertawa sambil berfikir. Idea komedi yang beliau hasilkan adalah tulin dan isu-isu yang dipaparkan sama ada secara tersurat atau tersirat merupakan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Melayu.

Dalam perjalanan panjang seni, beliau sentiasa mengambil risiko dan tidak pernah bersikap pasif. Ciri-ciri kepimpinan beliau sangat menyerlah. Beliau lebih suka menjadi "pemandu" yang menentukan arah, sama ada dalam mencipta karya bermutu atau meneroka peluang baharu. Beliau tidak suka menjadi seorang penumpang dalam satu perjalanan seni yang berliku dan berserah kepada nasib. Banyak usaha yang beliau ambil termasuk melibatkan diri dalam rancangan televisyen, Pentas Radio, menghasilkan DVD komedi, hingga sanggup mengambil risiko merantau untuk berkarya di Stesen Televisyen Astro di Malaysia. Pada masa yang sama, beliau tidak pernah lupa akan pasukan Komedi Singapura. Bagi beliau, setiap risiko menuntut penyesuaian, yang telah mengajar beliau berfikiran kritis, adaptif, dan inventif demi membuka ruang rezeki untuk diri dan rakan-rakan komedi beliau.



Refleksi Diri

Dalam melakukan refleksi tentang perjalanan seni yang beliau lalui, beliau sedar bahawa setiap peluang yang hadir adalah rezeki dan amanah daripada Allah yang tidak pernah salah alamat, dan bagi beliau tugas utama adalah menggandakan rezeki itu dengan usaha. Beliau bermula dengan mengambil bahagian dalam sebuah pertandingan dan kemudiannya mendapat peluang berlakon drama di televisyen. Ketika kumpulan Santan Berlada tidak dapat hadir dalam rancangan Hiburan Minggu Ini, beliau dengan berani merebut peluang untuk mengisi ruang tersebut. Alhamdulillah, langkah tersebut membuka jalan pelawak tanah air menguasai rancangan hiburan televisyen Singapura, malah diterima di Johor, Riau, dan masyarakat bukan Melayu melalui siaran di saluran 5.

Pengalaman ini mengajar beliau bahawa peluang mesti direbut dengan berani dan dijadikan amanah yang dilaksanakan dengan sebaiknya. Rezeki tidak datang bergolek tanpa usaha, maka setiap ruang yang terbuka perlu diisi dengan kerja keras, pemikiran pantas, dan kesungguhan. Prinsip beliau ialah jangan mensia-siakan peluang kerana ia adalah amanah, dan usaha yang berterusan akan menjadikan rezeki itu berkembang serta memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat yang dapat menikmati karya komedi beliau.



Komedi sebagai Wadah Pemikiran Kritis

Humor sebenarnya boleh dijadikan wadah pemikiran kritis kerana ia bukan sekadar hiburan, tetapi medium untuk menyampaikan teguran sosial secara halus. Seperti yang dipamerkan oleh seniman agung P. Ramlee dalam filem-filemnya, komedi mampu menyingkap isu kemiskinan, kepincangan masyarakat, dan sikap manusia tanpa melukai hati penonton. Beliau sendiri pernah bereksperimen dengan "Komedi Dakwah" yang menggabungkan pelawak dan ahli agama, berjaya menarik penonton dari pelbagai latar belakang untuk bersama-sama berfikir melalui gelak ketawa. Komedi, jika dilakukan dengan bijak, boleh menjadi ubat dan santapan rohani, bukan sekadar lawak kosong atau kotor.

Dalam mengangkat isu sensitif, humor menuntut kebijaksanaan agar mesej tersirat sampai tanpa menyinggung, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak. Prinsip yang beliau pegang ialah "sindir-sindir sayang", di mana penonton ketawa tetapi dalam masa sama sedar akan teguran yang disampaikan. ***"Untuk menghasilkan karya sebegini, idea sangat penting dan saya mendapatkannya melalui pengalaman hidup, mendengar cerita orang, menonton, dan membaca."*** Seperti pesan penulis Agung A. Samad Said, membaca adalah asas sebelum menulis. Dengan cara ini, komedi menjadi medium kritis yang bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik dan menyedarkan masyarakat.



Komedi sebagai Satu Mekanisma atau Wadah yang Mempunyai Fungsi Mendidik dan Berfikir

Komedi bagi beliau bukan sekadar hiburan untuk ketawa, tetapi satu mekanisma yang mendidik dan membuka ruang berfikir. Komedi tidak boleh dijadikan wadah "Syiok Sendiri". Ia menjadi wadah muhasabah, cerminan realiti kehidupan, serta peluang untuk menilai diri sendiri dan menerima kritikan dengan lebih terbuka. Komedi boleh dijadikan sebagai satu satira yang berfungsi sebagai cara mengkritik secara halus, mendidik melalui hiburan, dan membuat penonton berfikir selepas ketawa. Prinsip "sindir-sindir sayang" menjadikan komedi bukan sekadar lawak kosong, tetapi mesej tersirat yang menyentuh hati penonton, terutama apabila isu yang diketengahkan "kena pada batang hidung" mereka.

Dalam berkarya, beliau sentiasa menekankan bahawa komedi harus berlandaskan idea yang relevan dan tulen, lahir daripada pengalaman hidup, cerita masyarakat, serta pemerhatian terhadap realiti sekeliling. Komedi yang baik mampu membuat penonton tertawa, tetapi selepas persembahan, mereka akan merenung dan menyedari mesej yang disampaikan. Teater komedi seperti "Ghairah" membuktikan bahawa walaupun ceritanya sederhana, dengan pendekatan kreatif ia boleh menjadi luar biasa dan berkesan. Inilah kekuatan komedi sebagai wadah mendidik, menyindir dengan kasih sayang, dan mengajak masyarakat berfikir melalui gelak ketawa.



Pelibatan Khalayak dan Komedi

Komedi bagi beliau bukan sekadar hiburan untuk ketawa, tetapi wadah yang dekat dengan hati penonton kerana ia mengangkat isu-isu masyarakat di Singapura. Bagi beliau, ketawa hanyalah tanda hiburan, tetapi keberkesanan komedi diukur daripada sejauh mana ia mampu mengubah persepsi penonton. Beliau pernah menerima pujian daripada penonton yang mengaku karya beliau menyedarkan mereka tentang kesilapan yang pernah dilakukan, seperti kisah suami yang berpura-pura memancing tetapi sebenarnya ke kelab malam. Apabila penonton tertawa kerana cerita itu berkait dengan pengalaman mereka sendiri, ia sebenarnya membawa kesedaran dan perubahan pandangan. Inilah kekuatan komedi—membuat orang ketawa sambil mengingatkan mereka tentang realiti kehidupan.

Namun, cabaran di Singapura ialah ruang berkarya yang terhad kerana hanya ada satu saluran TV Melayu, menjadikan lakonan dan penulisan sukar dijadikan kerjaya utama. Walaupun begitu, beliau bersyukur kerana minat dan bakat yang dianugerahkan Tuhan membolehkan beliau terus berkarya, mencari idea baharu, dan bertahan dalam dunia komedi. Berbeza dengan di Malaysia yang mempunyai ruang luas hingga melahirkan ramai pelawak kini menjadi jutawan, di Singapura komedi bagi beliau ialah perjuangan seni untuk menyampaikan isu-isu penting kepada masyarakat. Walau penuh cabaran, beliau tetap melihat komedi sebagai amanah dan wadah perjuangan yang bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik dan menyedarkan penonton.



Saranan Menggunakan Humor sebagai Alat untuk Mendidik

Bagi beliau, humor boleh dijadikan mekanisma mendidik kerana ia mampu menjadikan mesej abstrak lebih mudah difahami. Peribahasa, misalnya, kaya dengan makna tersirat dan tersurat, dan melalui humor pelajar dapat berfikir secara kritis tanpa rasa tertekan. Dengan pendekatan lucu, guru boleh mengaitkan peribahasa dengan pengalaman harian pelajar, menjadikan mereka tertawa sambil memahami maksud yang mendalam. Humor juga berfungsi sebagai penawar rasa takut, mengurangkan ketegangan bilik darjah, dan mendorong pelajar lebih berani meluahkan pandangan. Ketawa bukan sekadar hiburan, tetapi pintu kepada kesedaran dan refleksi diri baik bagi seorang guru mahupun anak didik di sekolah.

Dalam pengajaran, humor harus digunakan secara bijak agar tidak menghina atau merendahkan pelajar. Bagi beliau, perkara yang membezakan antara “lawak bijak” dan “lawak bodoh” ialah nilai yang dibawa. Lawak bijak membuat pelajar berfikir dan membuat refleksi, manakala lawak bodoh hanya membodohkan orang lain. Guru yang arif tentang pelajarnya boleh menggunakan humor sebagai strategi pengajaran untuk merapatkan hubungan, menenangkan suasana yang tegang, dan membuka ruang keberanian. Seperti ustaz-ustaz yang terkenal menggunakan humor dalam ceramah, kelakar tetapi tetap dihormati. Komedi dalam pendidikan harus menjadi wadah yang mendidik, menghiburkan, dan menyampaikan mesej dengan penuh hikmah.



Humor dan Pemikiran Kritis dalam Bilik Darjah

Bagi beliau, humor dalam bilik darjah boleh dijadikan sebagai alat untuk mencipta suasana santai, mengurangkan ketegangan, dan membuka ruang pelajar berani bertanya serta meluahkan pandangan. Dengan humor, guru boleh menggunakan teka-teki, cerita yang dibina hingga ke klimaks, atau pantun lucu untuk memaksa pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Beliau percaya, humor mampu menjadikan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik kerana ia menghubungkan isi pelajaran dengan pengalaman pelajar, sambil mengekalkan keindahan budaya seperti pantun, adat, dan cerita rakyat. Apabila pelajar ketawa, mereka bukan sekadar terhibur tetapi juga mula berfikir, membuat jangkaan, dan memahami mesej tersirat dalam pembelajaran.

Dalam konteks kemahiran Abad ke-21, beliau yakin humor dapat melatih pelajar berfikir secara adaptif, kritis, dan inventif. Beliau yakin, guru boleh mengajak pelajar mencipta dialog lucu, pantun kreatif, atau berkongsi cerita lucu di bilik darjah, menjadikan mereka lebih aktif dan berani mencuba. Namun, humor perlu digunakan dengan etika yang betul. Guru perlu mengelakkan daripada melakukan “lawak bodoh” yang menghina atau merendahkan orang lain, sebaliknya menekankan “lawak bijak” yang mendidik dan membuka ruang berfikir dan melakukan refleksi. Mengimbas kembali pengalaman beliau sewaktu bersekolah dahulu, beliau percaya, hubungan guru dan pelajar yang baik akan memastikan mesej yang disampaikan melalui humor diterima dengan ikhlas, tidak disalah ertikan, dan menjadi kenangan pembelajaran yang bermakna hingga ke hari tua.



Membina Watak dalam Komedi

Menurut beliau, dalam membina watak komedi, pencetusnya datang daripada gabungan pengalaman peribadi, pemerhatian terhadap masyarakat, dan keberanian berimaginasi. Watak biasanya lahir daripada budaya tertentu, cara berpakaian, bertutur, berjalan, dan berinteraksi dengan orang lain. Contohnya, jika watak seorang ustaz, maka pakaian dan gaya pertuturannya harus mencerminkan identiti tersebut; jika watak seorang peminat muzik rok, maka penampilan dan gaya komunikasinya perlu sesuai dengan dunia itu. Semua ini menuntut persediaan rapi agar watak yang dibina bukan sahaja lucu tetapi juga relevan dengan konteks budaya dan mudah diterima khalayak.

Selain itu, "prop" memainkan peranan penting dalam menghidupkan suasana dan memperkukuh perwatakan. Pakaian, aksesori, atau objek yang digunakan dalam pementasan mesti disesuaikan dengan tema dan fokus persembahan. Sebagai pelakon komedi, beliau perlu memastikan watak dan persembahan tidak terkeluar daripada tema yang ditentukan penerbit, sambil tetap kreatif dalam memilih watak sama ada yang stereotaip, berlawanan, atau melampau untuk menimbulkan kelucuan. Persediaan yang teliti, mengetahui siapa penonton, acara, dan konteks persembahan akan memastikan watak komedi yang dibina benar-benar berkesan, segar, dan mampu menghiburkan tanpa kehilangan nilai budaya serta mesej yang ingin disampaikan.



Peranan Komedi dalam Melestarikan Bahasa

Beliau berpendapat, komedi berperanan besar dalam melestarikan bahasa Melayu kerana ia menjadikan bahasa itu hidup dan dekat dengan masyarakat. Melalui pentas komedi, keindahan bahasa dapat diserlahkan dengan cara yang segar, lucu, dan mudah diingati. Humor yang diselitkan dengan pantun, teka-teki, peribahasa, serta kisah masyarakat bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga menanam rasa cinta terhadap bahasa dan budaya. Dengan cara ini, bahasa Melayu tidak sekadar menjadi medium komunikasi, tetapi turut menjadi medium hiburan yang bernyawa dan relevan.

Beliau yakin penggiat komedi boleh dianggap sebagai "duta bahasa" kerana mereka mengangkat bahasa Melayu ke pentas hiburan, menjadikannya segar, relevan dan membanggakan. Mereka bukan sekadar membuat penonton ketawa, tetapi juga menyampaikan mesej tersurat dan tersirat yang berupaya mendidik. Strategi humor yang bijak, menjadikan lawak yang membina, bukan menghina. Malah, mampu menarik minat generasi muda untuk terus menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.



Peranan Komedi dalam Melestarikan Bahasa

Peranan komedi sebagai duta bahasa juga penting dalam memastikan bahasa Melayu terus hidup di tengah masyarakat moden. Dengan kreativiti, kolaborasi dan penggunaan media sosial, komedi boleh menjadikan bahasa Melayu lebih dekat dengan generasi Alpha. Apabila bahasa digunakan dalam konteks hiburan yang segar dan relevan, ia bukan sahaja dipelihara, tetapi juga diperkaya dan menjadikan bahasa itu berkembang. Maka, komedi bukan sekadar hiburan, tetapi wadah perjuangan untuk melestarikan bahasa Melayu sebagai khazanah bangsa agar hidup dan terus diminati generasi penyambung warisan.



Penutup Bicara

Sebagai penutup bicara, beliau yakin humor dalam bilik darjah boleh diibaratkan seperti variasi makanan yang kita nikmati setiap hari. Jika hanya nasi lemak yang dihidangkan, pasti akan timbul rasa bosan. Tetapi apabila kita pelbagaikan dengan nasi sambal goreng atau roti jala, suasana menjadi segar dan menarik. Begitu juga dengan pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar kita berhak diperkenal dan didedahkan dengan pantun jenaka, teka-teki, dan peribahasa agar mereka terpaksa menggunakan kosa kata secara kreatif. Aktiviti seperti mencipta teka-teki, dialog lucu, atau membaca cerita dengan intonasi sesuai bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga melatih pelajar berinteraksi dan berfikir secara kritis. Humor boleh menjadikan bahasa lebih hidup, segar, dan dekat dengan jiwa pelajar.



Penutup Bicara

Secara fitrah, manusia sukakan hiburan, dan apabila mereka terhibur, minat terhadap bahasa akan tumbuh dengan sendirinya. Humor yang digunakan dengan bijak mampu mengubah bilik darjah daripada ruang yang tegang kepada ruang refleksi, kreativiti, dan pembelajaran bermakna. Ketawa bukan sekadar tanda hiburan, tetapi pintu kepada kesedaran dan pemahaman. Selagi bahasa digunakan dengan baik, kreatif, dan tidak menghina orang lain, humor akan menjadi wadah yang menarik minat generasi muda untuk mencintai bahasa Melayu. Dengan cara ini, bahasa bukan sahaja dipelihara, tetapi juga diperkaya melalui pengalaman belajar yang menyeronokkan.

Humor yang bermakna tidak lahir daripada lelucon kosong. Ia memerlukan kepekaan bahasa, kefahaman konteks budaya, kebijaksanaan menilai situasi, serta keupayaan menyampaikan kritikan dan renungan secara halus. Humor mengubah hiburan menjadi ilmu, dan ketawa menjadi kesedaran. Dengan humor, bahasa Melayu bukan sahaja hidup, tetapi juga terus relevan dan membanggakan. Yang tersurat dan tersirat: Melestarikan kecintaan terhadap bahasa dan budaya Melayu melalui pemikiran dan humor mampu menjadikan kita cinta kepada bahasa.

"Mari kita laksanakan amanah dan tugas kita dalam melestarikan bahasa dan budaya bangsa kita yang kita cintai."

YANG TERSURAT DAN YANG TERSIRAT



MELESTARIKAN KECINTAAN TERHADAP BAHASA DAN BUDAYA MELAYU MELALUI PEMIKIRAN DAN HUMOR

MENJENGUK GEROBOK PEMIKIRAN

SIRI CERAMAH ARIF BUDIMAN 22
MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE
Ministry of Education SINGAPORE
Academy of Singapore Teachers lead. care. inspire.

MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE

Ministry of Education SINGAPORE

Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.